

B1+, 29 DIS 2014 | PG B1

AEC SEDIA PASARAN LEBIH LUAS

» *Dedah peluang perniagaan kepada 620 juta pelanggan*

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun depan akan membuka peluang lebih luas kepada syarikat tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan muncul sebagai peserta serantau yang berdaya saing.

Menyatakan hal ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata komuniti perniagaan negara ini sepatutnya tidak bimbang dengan pembentukan AEC kerana ia akan menyediakan akses pasaran yang lebih meluas.

Beliau berkata, integrasi ekonomi serantau itu juga membolehkan syarikat tempatan memperoleh bakat dan kepakaran yang tidak terhad, sekali gus memacu pertumbuhan perniagaan mereka.

"Dengan adanya AEC, peluang perniagaan terbuka kepada pasaran 620 juta penduduk berbanding pasaran tem-

patan yang agak terhad dengan hanya 30 juta penduduk," katanya kepada BH dalam satu temubual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mustapa berkata, kini lebih 1,000 syarikat Malaysia sudah beroperasi di pasaran serantau dan meraih manfaat daripada pertumbuhan pesat ekonomi kawasan sekitarinya.

Katanya, integrasi ekonomi serantau juga membantu syarikat tempatan bersaiz kecil untuk menjadi syarikat besar atau multinasional serantau.

Sebagai contoh, beliau berkata, AirAsia yang pada mulanya hanya syarikat bersaiz kecil dengan dua pesawat, kini sudah mempunyai operasi di pasaran serantau dengan lebih 100 pesawat.

"Selain AirAsia, bank tempatan seperti Maybank, CIMB Group, RHB Group, Public Bank dan Hong Leong Bank juga mempunyai operasi di beberapa negara ASEAN," katanya.

Golongan profesional mampu raih manfaat

Mustapa berkata, golongan profesional juga mampu meraih manfaat daripada pembentukan AEC pada tahun depan.

Menerusi AEC, katanya, pergerakan golongan profesional, tenaga mahir dan bakat dalam bidang seperti kejuruteraan, perakaunan, pergigian, perubatan dan arkitek di negara serantau adalah lebih mudah serta tidak terhad.

Selain manfaat kepada komuniti

perniagaan dan golongan profesional, beliau berkata, AEC juga memberikan lebih pilihan kepada pengguna negara ini untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan pada kos yang lebih murah.

"Sebagai contoh, dari segi pembelian pakaian, pengguna tempatan boleh membeli pakaian dari Indonesia pada harga yang lebih murah," katanya.

ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dengan hanya lima negara anggota penegas iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Keanggotaannya kemudian diperluaskan dengan penyertaan lima lagi negara iaitu Brunei, Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam.



“Selain AirAsia, bank tempatan seperti Maybank, CIMB Group, RHB Group, Public Bank dan Hong Leong Bank **juga mempunyai operasi di beberapa negara ASEAN**”

Mustapa Mohamed,
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri